

09 JUL 2004

Marina-Jenayah

MENCEGAH JENAYAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA - MARINA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Walaupun wanita sering menjadi sasaran penjenayah terutama peragut, namun langkah membanteras jenayah itu tidak seharusnya mereka saja yang pikul tetapi juga pihak-pihak lain, kata Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, hari ini.

Beliau berkata sememangnya wanita perlu lebih berwaspada untuk mengelak daripada menjadi mangsa jenayah tetapi kesedaran itu patut juga ada pada semua pihak bagi menentukan negara lebih selamat.

"Kita mesti melihat keadaan sekitar. Peranan masyarakat dan pihak berkuasa perlu di bawa ke hadapan," katanya ketika diminta mengulas mengenai kejadian jenayah terutama ragut yang semakin berleluasa dan menjadikan wanita sebagai sasaran utama.

Marina bercakap kepada pemberita selepas majlis penghargaan dan sidang media pengumuman musim kelapan dan kesembilan Rancangan 3R dan penyarannya di Filipina.

Rancangan 3R merupakan program yang menyentuh isu-isu semasa yang mula disiarkan pada tahun 2000. Ia pernah memenangi Anugerah Televisyen Asia pada 2002.

Berucap pada majlis tersebut, Marina, Penerbit Eksekutif Rancangan 3R, berkata musim baru rancangan itu lebih menjurus kepada isu samseng di kalangan remaja, program khidmat negara, keganasan terhadap wanita dan masalah kebersihan diri.

Bermula Ogos ini, 3R mengembangkan sayapnya apabila mula disiarkan di Filipina yang menampilkan hos dari negara itu.

Marina berkata, dalam masa dua tahun akan datang rancangan itu dijangka memasuki pasaran Indonesia, Vietnam dan Thailand.

-- BERNAMA

JHR ASF MFJ RS